

Soalan-soalan Lazim

Peneraju Skil Iltizam *Insulation Pipe Gas*

A. MENGENAI PROGRAM

1. Apakah matlamat program Peneraju Skil Iltizam *Insulation Pipe Gas*?

Program Peneraju Skil Iltizam *Insulation Pipe Gas* adalah inisiatif untuk memenuhi kekurangan tenaga kerja mahir industri minyak & gas serta industri yang berkaitan. Dalam memenuhi permintaan ini, program ini memberi peluang kepada pelajar keciciran yang tidak cenderung kepada bidang akademik untuk menjadikan bidang teknikal atau vokasional sebagai fokus kerjaya dan seterusnya membolehkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan berpendapatan tinggi dengan pendapatan minima sebanyak RM1,500 sebulan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas tamat latihan.

2. Apakah syarat-syarat untuk memohon program Peneraju Skil Iltizam *Insulation Pipe Gas*?

- Warganegara Malaysia dan Bumiputera
- Umur di antara 18-23 tahun semasa mengikuti program
- Boleh menulis, mengira dan membaca
- Berminat memasuki program yang merangkumi latihan serta pekerjaan
- Tidak memiliki apa-apa sijil SKM/Diploma/Ijazah
- Kuat dan sihat tubuh badan untuk bekerja dalam industri berkaitan serta bebas daripada pengaruh dadah dan alkohol yang disahkan oleh Pegawai Perubatan / deklarasi kesihatan calon

3. Apakah peluang yang ditawarkan kepada peserta Peneraju Skil Iltizam *Insulation Pipe Gas*?

Peluang pekerjaan dalam industri minyak & gas serta industri yang berkaitan.

4. Adakah terdapat bayaran yang dikenakan kepada calon yang berminat?

Tidak. Peneraju Skil Iltizam *Insulation Pipe Gas* adalah program pembiayaan penuh.

5. Adakah program ini di buka kepada calon daripada semua negeri?

Ya, program ini di buka kepada calon dari seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, latihan akan dijalankan di **Kemaman, Terengganu**.

6. Bagaimanakah dengan peluang pekerjaan selepas tamat latihan?

Tawaran pekerjaan di dalam bidang minyak & gas serta industri berkaitan akan diberikan kepada peserta selepas tamat tempoh latihan. Peserta akan diberi peluang untuk bekerja dalam bidang minyak & gas serta industri berkaitan bergantung kepada prestasi peserta sepanjang kursus dijalankan.

7. Adakah saya akan terikat dengan Yayasan Peneraju selepas tamat program Peneraju Skil Iltizam *Insulation Pipe Gas*?

Tidak. Peserta tidak terikat dengan Yayasan Peneraju. Walau bagaimanapun, peserta perlu bekerja di Malaysia, atau sekiranya di luar Malaysia, bekerja dengan syarikat berdaftar di Malaysia dalam tempoh satu tahun selepas tamat program.

8. Adakah saya diperlukan untuk menandatangani sebarang bentuk kontrak atau perjanjian?

Ya, perjanjian pembiayaan akan disediakan untuk semua peserta program.

9. Bolehkah saya menolak tawaran sekiranya saya disenarai pendek untuk menyertai program ini?

Boleh, selagi mana surat tawaran tidak ditandatangani dan dihantar ke pihak Yayasan Peneraju.

10. Adakah sebarang tindakan akan dikenakan sekiranya saya melanggar isi kandungan kontrak?

Peserta perlu membayar balik kesemua kos yang telah ditanggung oleh Yayasan Peneraju bagi tujuan pembiayaan program.

11. Apakah jenis bantuan yang akan ditanggung sepanjang program berlangsung?

- Yuran pengajian dan pensijilan
- Program Pembangunan & Pemupukan (*Nurture & Develop Programme*)
- Penginapan
- Insurans
- Makanan & Minuman
- Pengangkutan

12. Adakah peserta dibenarkan membuat tuntutan bayaran perjalanan untuk memasuki program?

Tidak. Calon tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan bayaran perjalanan kepada Yayasan Peneraju sebelum dan selepas memasuki program ini. Yayasan Peneraju tidak menanggung kos perjalanan dan kenderaan peserta.

13. Sekiranya saya sudah menerima pinjaman / biasiswa dari pihak lain, adakah saya masih boleh menerima tawaran biasiswa di bawah tajaan Yayasan Peneraju?

Tidak.

B. PROSES PERMOHONAN

1. Bagaimana cara untuk mendaftar?

Permohonan boleh dibuat melalui laman web rasmi Yayasan Peneraju www.yayasanpeneraju.com.my atau terus berhubung dengan rakan program kami, Ranaco Marine Sdn Bhd 019-9826604 / 019-9888409 atau klik pautan di bawah:

<http://www.wasap.my/0199992759>

<http://www.wasap.my/0199888649>

2. Apakah bentuk sesi Penilaian yang akan dijalankan?

- Pemeriksaan kesihatan / Deklarasi kesihatan calon
- Pengesahan dokumen
- Temuduga bertulis dan `face to face`

3. Sekiranya saya berjaya, apakah proses selanjutnya?

Semua peserta yang berjaya akan dihubungi melalui telefon / emel oleh rakan program kami.

4. Sekiranya saya tidak Berjaya, adakah saya akan dihubungi?

Tidak.

C. STRUKTUR PROGRAM

1. Berapa lamakah program ini akan berlangsung dan apakah komponen yang terkandung?

Program akan berjalan selama satu (1) tahun empat (4) bulan yang merangkumi empat (4) bulan latihan teori dan praktikal serta satu (1) tahun pemantauan pekerjaan.

2. Apakah contoh komponen `Nurture & Develop Programme` yang diterapkan dalam Program Skil dan setiap program Yayasan Peneraju?

`Nurture and Develop` di dalam program Peneraju Skil Iltizam Insulation Pipe Gas adalah memberi penekanan kepada aspek disiplin dan jatidiri dalam kalangan peserta di samping persediaan untuk menceburi bidang pekerjaan yang berkaitan.

3. Bilakah saya akan mula menerima bantuan biasiswa?

Sebaik sahaja program bermula.

4. Bilakah permohonan akan dibuka?

Permohonan	Jangkamasa
Permohonan akan dibuka pada	17 Julai 2019
Program dijangka bermula pada	Kohort 2 – 16 November 2019 (50pax)